



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH
Dokumen Penjajaran Kurikulum

SAINS
TAHUN 3

EDISI 2

KATA PENGANTAR



Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan penjajaran kurikulum selaras dengan pengumuman pembukaan semula sekolah berdasarkan Takwim Persekolahan 2020 yang dipinda. Pada ketika itu, Kandungan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah diujicajakan bagi tujuan kegunaan pengajaran dan pembelajaran bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid yang terkesan lanjutan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Susulan penutupan semula sekolah sepenuhnya mulai 9 November 2020, sekolah telah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) sehingga hari terakhir persekolahan bagi tahun 2020. Meskipun guru telah berusaha untuk melaksanakan PdPR, namun masih terdapat cabaran dari aspek pelaksanaannya yang akan memberi implikasi terhadap pembelajaran murid pada tahun 2021. Sehubungan dengan itu, KPM telah memutuskan untuk meneruskan pelaksanaan Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 bagi tahun 2021.

Penjajaran Kurikulum Versi 2.0 merupakan usaha KPM bagi membantu guru untuk memastikan kelangsungan pembelajaran murid dilaksanakan. Kurikulum yang diujicajakan ini bukanlah

kurikulum baharu, tetapi kurikulum sedia ada yang disusun semula berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSR serta ditambah baik daripada dokumen penjajaran kurikulum sebelumnya. Kandungan kurikulum disusun berdasarkan kandungan asas yang perlu dikuasai oleh murid. Manakala, kandungan tambahan dan pelengkap perlu diajar bagi menyokong keseluruhan pembelajaran sesuatu mata pelajaran yang boleh dilaksanakan melalui pelbagai kaedah dan teknik pembelajaran.

Harapan KPM agar guru dapat terus merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pada tahun 2021 dengan lebih berkesan. KPM juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam melaksanakan kurikulum yang diujicajakan.

DR. LATIP BIN MUHAMMAD

Timbalan Pengarah Kanan
(Kluster Dasar dan Sains & Teknologi)
Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

TEMA : INKUIRI DALAM SAINS**Tajuk : 1.0 Kemahiran Saintifik**

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
1.1 Kemahiran Proses Sains	1.1.1 Memerhati 1.1.2 Mengelas 1.1.3 Mengukur dan menggunakan nombor 1.1.4 Membuat inferens 1.1.5 Meramal 1.1.6 Berkomunikasi		
1.2 Kemahiran Manipulatif	1.2.1 Menggunakan dan mengendalikan peralatan dan bahan sains dengan betul. 1.2.2 Mengendalikan spesimen dengan betul dan cermat. 1.2.3 Melakar spesimen, peralatan dan bahan sains dengan betul. 1.2.4 Membersihkan peralatan sains dengan cara yang betul. 1.2.5 Menyimpan peralatan dan bahan sains dengan betul dan selamat.		

TEMA : INKUIRI DALAM SAINS

Tajuk : 2.0 Peraturan Bilik Sains

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
2.1 Peraturan Bilik Sains	2.1.1 Mematuhi peraturan bilik sains		

TEMA : SAINS HAYAT

Tajuk : 3.0 Manusia

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
3.1 Gigi	3.1.1 Memerihalkan jenis gigi dan fungsinya. 3.1.2 Melabelkan struktur gigi. 3.1.3 Membanding dan membezakan set gigi susu dan set gigi kekal. 3.1.4 Menghubung kait penjagaan kesihatan gigi dengan struktur gigi.	3.1.5 Menjelaskan pemerhatian tentang gigi melalui lakaran, TMK, penulisan atau lisan secara kreatif.	

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
3.2 Kelas makanan	3.2.1 Memberi contoh makanan bagi setiap kelas makanan. 3.2.2 Mengitlak kepentingan makanan mengikut kelasnya kepada tubuh manusia. 3.2.3 Menjelas dengan contoh makanan seimbang berdasarkan piramid makanan. 3.2.4 Menaakul kesan pengambilan makanan yang tidak seimbang.	3.2.5 Menjelaskan pemerhatian tentang kelas makanan menerusi lakaran, TMK, penulisan atau lisan secara kreatif.	
3.3 Pencernaan	3.3.1 Memerihalkan proses pencernaan. 3.3.2 Membuat urutan aliran makanan semasa pencernaan. 3.3.3 Merumus tentang makanan tercerna yang tidak diperlukan oleh badan.	3.3.4 Menjelaskan pemerhatian tentang pencernaan menerusi lakaran, TMK, penulisan atau lisan secara kreatif.	

TEMA : SAINS HAYAT

Tajuk : 4.0 Haiwan

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
4.1 Tabiat pemakanan	<p>4.1.1 Mengelas haiwan mengikut tabiat pemakanan.</p> <p>4.1.2 Menjelaskan dengan contoh tabiat pemakanan haiwan herbivor, karnivor dan omnivor.</p> <p>4.1.3 Membuat inferens tentang kumpulan haiwan berdasarkan tabiat pemakanan.</p> <p>4.1.4 Membanding dan membezakan kegiatan haiwan herbivor, karnivor, dan omnivor.</p>	<p>4.1.5 Menjelaskan pemerhatian tentang tabiat pemakanan haiwan melalui lakaran, TMK, penulisan atau lisan secara kreatif.</p>	

TEMA : SAINS HAYAT**TAJUK: 5.0 TUMBUHAN**

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
5.1 Pembiakan tumbuhan	5.1.1 Memberi contoh tumbuhan bagi setiap cara pembiakan. 5.1.2 Menaakul kepentingan pembiakan tumbuhan kepada hidupan. 5.1.3 Mengitlak satu tumbuhan boleh membiak melalui pelbagai cara dengan menjalankan projek.	5.1.4 Menjelaskan pemerhatian tentang pembiakan tumbuhan melalui lakaran, TMK, penulisan atau lisan secara kreatif.	

TEMA : SAINS FIZIKAL

Tajuk : 6.0 Pengukuran

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
6.1 Pengukuran luas dan isi padu	<p>6.1.1 Menyatakan unit yang digunakan untuk mengukur luas dan isi padu.</p> <p>6.1.2 Mengukur luas permukaan sekata menggunakan petak yang berukuran 1cm x 1 cm.</p> <p>6.1.3 Menyelesaikan masalah untuk menganggar luas permukaan yang tidak sekata.</p> <p>6.1.4 Mengukur isi padu kotak lohong dengan menggunakan kubus yang berukuran 1cm x 1cm x 1cm.</p> <p>6.1.5 Mengukur isi padu cecair menggunakan alat dan teknik yang betul.</p> <p>6.1.6 Menyelesaikan masalah untuk menentukan isi padu pepejal tidak sekata melalui kaedah sesaran air.</p>	<p>6.1.7 Menjelaskan pemerhatian tentang pengukuran luas dan isi padu melalui lakaran, TMK, penulisan atau lisan secara kreatif.</p>	

TEMA : SAINS FIZIKAL**Tajuk : 7.0 Ketumpatan**

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
7.1 Objek atau bahan yang lebih tumpat atau kurang tumpat daripada air.	<p>7.1.1 Membuat inferens tentang objek atau bahan yang timbul atau objek yang tenggelam dengan menjalankan aktiviti.</p> <p>7.1.2 Menghubung kait objek atau bahan yang timbul dan objek yang tenggelam dengan ketumpatan.</p> <p>7.1.3 Menyelesaikan masalah bagi mengenal pasti kaedah untuk menjadikan air lebih tumpat.</p>	7.1.4 Menjelaskan pemerhatian tentang objek atau bahan yang lebih tumpat dan kurang tumpat daripada air melalui lakaran, TMK, penulisan atau lisan secara kreatif.	

TEMA : SAINS BAHAN**Tajuk : 8.0 Asid Dan Alkali**

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
8.1 Asid dan alkali	8.1.1 Menguji bahan yang berasid, beralkali dan neutral dari segi perubahan warna kertas litmus dengan menjalankan penyiasatan. 8.1.2 Mengitlak bahan yang berasid, beralkali dan neutral dari aspek rasa dan sentuhan dengan menguji beberapa contoh bahan. 8.1.3 Meneroka bahan lain yang boleh menguji bahan berasid, beralkali dan neutral.	8.1.4 Menjelaskan pemerhatian tentang asid dan alkali melalui lakaran, TMK, penulisan atau lisan secara kreatif.	

TEMA : BUMI DAN ANGKASA**TAJUK: 9.0 SISTEM SURIA**

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
9.1 Sistem suria	9.1.1 Menyenaraikan ahli dalam Sistem Suria melalui pemerhatian menerusi pelbagai media. 9.1.2 Mengitlak suhu planet berdasarkan urutan dalam Sistem Suria. 9.1.3 Memerihalkan planet beredar mengelilingi Matahari mengikut orbit. 9.1.4 Menghubung kait kedudukan planet dari Matahari dengan masa planet beredar mengelilingi Matahari.	9.1.5 Menjelaskan pemerhatian tentang sistem suria melalui lakaran, TMK, penulisan atau lisan secara kreatif.	

TEMA : TEKNOLOGI DAN KEHIDUPAN LESTARI**Tajuk : 10.0 Mesin**

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran		
	Kandungan Asas	Kandungan Tambahan	Kandungan Pelengkap
10.1 Takal	10.1.1 Menyatakan maksud dan kegunaan takal. 10.1.2 Memerihalkan cara takal tetap berfungsi dengan menggunakan model. 10.1.3 Memberi contoh aplikasi takal dalam kehidupan.	10.1.4 Mereka cipta model takal yang berfungsi. 10.1.5 Menjelaskan pemerhatian tentang takal melalui lakaran, TMK, penulisan atau lisan secara kreatif.	

**Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
62604 Putrajaya
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917**